



## **Kenyataan Media**

**CYBERJAYA**

**29 Jun 2022**

### **MCMC LULUSKAN PENGGABUNGAN ANTARA CELCOM DAN DIGI**

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (“MCMC”) telah mengeluarkan notis tiada bantahan kepada cadangan penggabungan antara Digi.Com Bhd. dan Celcom Axiata Bhd. (“Celcom”) yang melibatkan perniagaan Digi Telecommunications Sdn. Bhd. (“Digi”) dan Celcom (secara kolektif dikenali sebagai “Pemohon”).

Digi dan Celcom merupakan pengendali perkhidmatan mudah alih kedua dan ketiga terbesar pada masa kini dan penggabungan ini akan menghasilkan pengendali perkhidmatan mudah alih yang terbesar di Malaysia. Oleh yang demikian, MCMC telah menjalankan penilaian menyeluruh terhadap penggabungan ini.

Pada 1 April 2022, MCMC telah mengeluarkan Pernyataan Isu kepada Pemohon selaras dengan Garis Panduan Penggabungan dan Pengambilalihan bertarikh 17 Mei 2019 untuk menangani kebimbangan bahawa penggabungan ini akan atau berkemungkinan mengurangkan persaingan dengan ketara dalam sesetengah pasaran komunikasi yang telah dikenal pasti oleh MCMC.

Justeru, Pemohon telah mengemukakan suatu aku janji yang mengandungi komitmen Pemohon untuk mengatasi isu-isu persaingan yang telah diketengahkan oleh MCMC di dalam Pernyataan Isu. MCMC telah mempertimbangkan komitmen yang ditawarkan oleh Pemohon dan berpuas hati bahawa ia akan mengurangkan dengan signifikan isu-isu persaingan yang akan atau mungkin timbul akibat penggabungan ini.

Salinan aku janji itu boleh dimuat turun dari laman sesawang MCMC di pautan:

<https://mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/registers/Undertaking-Public-Version.pdf>

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: [scd@mcmc.gov.my](mailto:scd@mcmc.gov.my) | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV